

Bapa terlantar bakar semangat

>>Oleh Siti Fatimah Hassan

sfhassan@hmetro.com.my

SERDANG: "Memang sukar untuk menerima apabila bapa tiba-tiba koma dan terlantar di hospital selama sebulan, namun saya tabahkan diri menamatkan pengajian dan ia juga menjadi pembakar semangat untuk mencapai kejayaan," kata pemenang Anugerah Pingat Emas Canselor, Alias Ismail, 23, sempena Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31 yang sedang berlangsung hingga esok.

Graduan yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Hortikultur itu masih tidak dapat melupakan peristiwa berkenaan yang berlaku ketika dia sedang bersiap menduduki peperiksaan akhir tahun kedua.

"Alhamdulillah, keadaan bapa kini baik tetapi perlu dibantu kerusi roda. Selepas apa yang terjadi, ia menguatkan semangat saya untuk terus cekal dan bersungguh-sungguh dalam mencapai cita-cita," katanya.

Alias yang menerima anu-



BANGGA...Alias (kiri) dan Yosheena (tengah) bersama anugerah yang diterima.

gerah berkenaan pada konvokesyen sidang pertama itu mempunyai rekod cemerlang dalam akademik sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya mempunyai minat mendalam terhadap bidang sains tumbuhan dan memang bercita-cita untuk membuka syarikat landskap sendiri," katanya.

Selain anugerah itu, beberapa lagi penerima anugerah peringkat universiti diumumkan iaitu Anugerah Pelajaran Diraja, Pingat Emas Alumni dan Pingat Emas Yayasan Pak Rashid.

Anugerah itu dikurniakan Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Majlis konvokesyen yang bermula Sabtu lalu menyaksikan seramai 7,949 graduan pelbagai pengajian menerima ijazah dan diploma masing-masing meliputi 136 penerima PhD, ijazah sarjana (996), ijazah sarjana muda (6,117) dan diploma (700).

Sementara itu, penerima Anugerah Pingat Alumni, Yosheena Miskam, 24, ber�ata pencapaian berkenaan didorong semangat ibunya

yang membesarkan mereka empat beradik secara bersendirian.

"Saya sentiasa berdoa dan sembahyang hajat agar dapat mencapai kejayaan yang direstui selain ingin membantu keluarga. Saya tidak mahu lagi ibu saya bekerja kerana sudah tiba masanya untuk saya menanggung keluarga."

"Hanya saya setakat ini yang melanjutkan pelajaran ke universiti dan diharapkan ia mampu memberi inspirasi kepada adik-beradik lain," katanya.

SERLAHKAN
PENAMPILAN
ANDA DENGAN
TAG KARTUN
LAT DI KLIA
DAN MENANG!

Maklumat lanjut di
malaysiaairlines.com



Lottery
Malaysia

Malaysia, mesti terbang bersama!

E-malaysia